



## **SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

### **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 02 / 2022**

### **MESYUARAT KHAS URUSAN PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRU DUN) JOHOR YANG KE-15**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) secara rasminya telah menerima notis daripada Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor berhubung pembubaran DUN Johor penggal yang ke-14 pada **23 Januari 2022** sebagaimana termaktub di bawah Fasal (2) Perkara 23 Bahagian Kedua, Undang-Undang Negeri Johor, Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895.
2. Berdasarkan Fasal (4) Perkara 23 Bahagian Kedua, Undang-Undang Negeri Johor, Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 berkehendakkan suatu pilihan raya umum diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembubaran DUN tersebut.
3. Sehubungan itu, satu Mesyuarat Khas berkaitan urusan PRU DUN Johor Ke-15 akan diadakan pada **9 Februari 2022 (Rabu)**.
4. Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh **YBhg. Datuk Abdul Ghani Salleh, Pengerusi SPR** yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting PRU DUN Johor seperti tarikh *Writ* Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dan lain-lain persiapan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut.

5. Satu sidang media akan diadakan sejeurus selepas Mesyuarat Khas tersebut.

Sekian, terima kasih.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

24 Januari 2022 / 21 Jamadil Akhir 1443H